

11 JUL 1998

PERDANA MENTERI LAWAT MELAKA

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk melakukan lawatan kerja sehari hari ini.

Ketibaaan Perdana Menteri di Alor Gajah disambut oleh para pemimpin negeri diketuai Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Kira-kira 500 orang anggota pergerakan Pemuda dan Wanita parti komponen Barisan Nasional dan kakitangan pihak berkuasa tempatan turut menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Dr Mahathir dijadualkan mengadakan perjumpaan secara tertutup dengan pemimpin Umno sebaik tiba, di Dewan Sri Keledang, Ayer Keroh Country Resort.

Selepas jamuan tengah hari, beliau akan berucap pada majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Dewan Hang Jebat, Ayer Keroh pukul 2.30 petang.

Dr Mahathir akan berlepas balik ke Kuala Lumpur selepas majlis itu.

-- BERNAMA

NO NMO